

**NO. SOALAN : 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 17.3.2016 (KHAMIS)**

**Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan bilangan *Point of Sales* (POS) yang terlibat dengan subsidi harga barang di kawasan luar bandar di Sarawak amnya dan di kawasan Baram khasnya. Nyatakan cabaran-cabaran serta tindakan pihak Kementerian untuk tangani cabaran-cabaran tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak tahun 2009 dan diteruskan sehingga kini. Menerusi program ini, Kerajaan akan menanggung kos pengangkutan oleh *transporter* untuk membawa barang keperluan (beras ST15%, tepung gandum, minyak masak, gula pasir, gas memasak LPG, petrol RON 95 dan diesel) ke kawasan luar bandar dan pedalaman bagi membolehkan rakyat di kawasan tersebut menikmati harga yang sama seperti di Semenanjung mengikut harga kawalan subsidi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Pada tahun 2016, program ini di **Sarawak** dilaksanakan meliputi **788 kawasan pengedaran** melibatkan sebanyak **4,115 Pusat Jualan (Point of Sales - POS)** dan **116 transporter** dengan peruntukan subsidi pengangkutan berjumlah **RM210 juta**. Bagi **kawasan Baram** pulam bilangan POS ialah sebanyak **697**.

Dalam melaksanakan Program ini, terdapat cabaran dari segi ketirisan dan penyeludupan penghantaran barang kawalan Kerajaan ke POS yang terlibat. Oleh itu, Kementerian telah mengambil tindakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan yang berterusan dan bersepada bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Polis Marin, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membendung ketirisan dan aktiviti penyeludupan daripada berlaku dalam program-program pemberian subsidi Kerajaan seperti *Community Drumming*, Gas Memasak LPG, dan bekalan barang-barang perlu.